



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]
- PEKELILING -

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Fail : MBSA/PTD/SM/100 - 1/1 Jld. 2 (3c)

Tarikh : 9 April 2013
28 Jamadilawal 1434H

Kepada;

Semua Pegawai dan Kakitangan
Majlis Bandaraya Shah Alam

Tuan/ Puan,

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) KEPADA KAKITANGAN SOKONGAN BAGI MENGIKUTI LATIHAN KEMAHIRAN (TEKNIKAL DAN VOKASIONAL) DI BAWAH SKILLS MALAYSIA

Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bil. JPA(L)S.175/4/1-1 Klt.15 (23) bertarikh 10 September 2012 berkaitan dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Kepada Kumpulan Sokongan bagi mengikuti Latihan Kemahiran (Teknikal Dan Vokasional) di Bawah SkillsMalaysia adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis di dalam mesyuaratnya pada 22 Mac 2013 telah bersetuju menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bil. JPA(L)S.175/4/1-1 Klt.15 (23) bertarikh 10 September 2012 berkaitan dengan Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Kepada Kumpulan Sokongan Bagi Mengikuti Latihan Kemahiran (Teknikal Dan Vokasional) Di Bawah SkillsMalaysia.

3. Sehubungan dengan itu kakitangan yang layak memohon kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) ini bolehlah mengemukakan permohonan melalui Pengarah Jabatan/ Ketua Bahagian masing-masing untuk dipanjangkan ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan.

4. Bersama-sama ini disertakan salinan Garis Panduan tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

(MADIYAN BIN BAWEH)

Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

s.k. 1. Datuk Bandar

2. Timbalan Datuk Bandar